

01/01/1997

Swasta wajar bantu industri pelancongan Terengganu

KUALA LUMPUR, Selasa - Sektor swasta dan pengusaha pelancongan diminta membantu meningkatkan imej industri pelancongan Terengganu dengan memperkenalkan pelbagai produk pelancongan baru yang boleh dimajukan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata kerjasama dan sokongan semua pihak boleh membantu menarik lebih ramai pelancong ke negeri itu sempena Tahun Melawat Terengganu 1997 (TMT 97) ini.

Beliau menyifatkan TMT 97 mampu menambah kedatangan pelancong ke negeri itu dan berharap semua pihak terutama pengusaha hotel dan pelancongan merebut peluang itu.

"Kementerian turut memberi sokongan dan kerjasama bagi memperkenalkan negeri ini seperti memperuntukkan 10 hingga 15 minit bagi tarian dan lagu Terengganu dalam promosi kebudayaan di luar negara," katanya ketika melancarkan Pertandingan Mencari Harta Karun TMT 97, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, Belia, Sukan dan Tugas-tugas Khas Terengganu, Othman Daud dan Pengurus Besar AAM Travel, Khir Anuar Mohamad.

Pertandingan itu dianjurkan bersama oleh Kerajaan Terengganu, M Vision Sdn Bhd dan AAM Travel Sdn Bhd (AAM Travel), manakala Esso Malaysia Bhd menjadi penaja utama.

Sebanyak 38 kenderaan dari Johor Bahru, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur menyertai pertandingan itu dan mereka tiba di Kuala Terengganu petang ini bagi pelancaran TMT 97 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu.

Sabbaruddin berkata, pengusaha pelancongan perlu memperkenalkan produk pelancongan baru terutamanya pada akhir tahun kerana pelancong tidak berminat melawat ke Pantai Timur yang dikatakan sering banjir pada musim tengkujuh.

"Kita mahu pihak terbabit memperkenalkan produk pelancongan baru khususnya pada akhir tahun seperti yang dilakukan oleh persatuan hotel dan pengusaha pelancongan di Pahang yang menganjurkan Ultimate Rainfree Challenge baru-baru ini.

(END)